

PERATURAN PERMAINAN RENANG**1 PERATURAN TEKNIKAL****1.1 Undang - undang Permainan**

1.1.1 Selain daripada peraturan-peraturan yang terkandung, pertandingan ini akan dijalankan mengikut Undang-undang Renang sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Persekutuan Akuatik Dunia/World Aquatics (WA). (Sebelum ini dikenali sebagai FINA).

1.2 Perkara Yang Tidak Dinyatakan

1.2.1 Rujuk Peraturan Am SUKIPT 2024.

2 PERATURAN PERTANDINGAN**2.1 Acara/Kategori yang dipertandingkan****2.1.1 Kategori Individu**

ACARA	BIL	LELAKI	BIL	WANITA
Individu	1	50 Meter Gaya Bebas	1	50 Meter Gaya Bebas
	2	100 Meter Gaya Bebas	2	100 Meter Gaya Bebas
	3	200 Meter Gaya Bebas	3	200 Meter Gaya Bebas
	4	400 Meter Gaya Bebas	4	400 Meter Gaya Bebas
	5	800 Meter Gaya Bebas	5	800 Meter Gaya Bebas
	6	1,500 Meter Gaya Bebas	6	1,500 Meter Gaya Bebas
	7	50 Meter Kuak Dada	7	50 Meter Kuak Dada
	8	100 Meter Kuak Dada	8	100 Meter Kuak Dada
	9	200 Meter Kuak Dada	9	200 Meter Kuak Dada
	10	50 Meter Gaya Kupu-kupu	10	50 Meter Gaya Kupu-kupu
	11	100 Meter Gaya Kupu-kupu	11	100 Meter Gaya Kupu-kupu
	12	200 Meter Gaya Kupu-kupu	12	200 Meter Gaya Kupu-kupu
	13	50 Meter Gaya Lentang	13	50 Meter Gaya Lentang
	14	100 Meter Gaya Lentang	14	100 Meter Gaya Lentang
	15	200 Meter Gaya Lentang	15	200 Meter Gaya Lentang
	16	200 Meter Rampaian Individu	16	200 Meter Rampaian Individu
	17	400 Meter Rampaian Individu	17	400 Meter Rampaian Individu

2.1.2 Kategori Berpasukan

ACARA	BIL.	LELAKI	BIL.	WANITA
Berpasukan	18	4 x 100 Meter Gaya Bebas	18	4 x 100 Meter Gaya Bebas
	19	4 x 200 Meter Gaya Bebas	19	4 x 200 Meter Gaya Bebas
	20	4 x 100 Meter Rampaian	20	4 x 100 Meter Rampaian
	21	4 x 100 Meter Gaya Bebas Campuran		
	22	4 x 100 Meter Rampaian Campuran		

2.2 Pendaftaran dan Pembentukan Pasukan

2.2.1 Kategori Individu

2.2.1.1 Setiap kontingen hanya boleh mendaftar satu (1) pasukan renang lelaki dan satu (1) pasukan renang wanita sahaja yang terdiri daripada:

- 2.2.1.1.1 Seorang Pengurus Pasukan
- 2.2.1.1.2 Seorang Jurulatih
- 2.2.1.1.3 Dua (2) orang Pegawai Tambahan
- 2.2.1.1.4 Peserta lelaki, maksimum 20 orang
- 2.2.1.1.5 Peserta wanita, maksimum 20 orang

2.2.1.2 Seorang perenang hanya dibenarkan menyertai 3 acara individu dan 3 acara berpasukan yang dipertandingkan. Tiap-tiap kontingen dibenarkan mendaftar dua (2) orang peserta sahaja bagi setiap acara individu dan satu (1) pasukan bagi setiap acara berpasukan.

2.2.1.3 Borang pendaftaran peserta hendaklah diserahkan kepada Jawatankuasa Pengelola sebelum pertandingan dimulakan (tarikh ditetapkan oleh

Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan SUKIPT/Jawatankuasa Pengelola).

2.2.1.4 Sebarang pertukaran peserta (gugur/ganti) hendaklah merujuk kepada Peraturan Am SUKIPT Perkara 4.7.2.

2.2.1.5 Hanya peserta yang namanya didaftarkan dalam borang pendaftaran sahaja dibenarkan mengambil bahagian. Kegagalan peserta mendaftarkan nama di dalam kontingen masing-masing akan menyebabkan peserta tersebut tidak layak mengambil bahagian dalam mana-mana acara yang dipertandingkan.

2.2.2 Kategori Berpasukan

2.2.2.1 Setiap kontingen hanya dibenarkan mendaftar satu (1) pasukan sahaja bagi setiap acara berpasukan.

2.2.2.2 Dalam acara berpasukan, nama-nama peserta mengikut susunan untuk pusingan awal hendaklah diserahkan kepada pihak urusetia kejohanan tidak lewat daripada 1 jam sebelum acara berkenaan berlangsung. Bagi acara berpasukan rampaian, nama-nama peserta hendaklah diberi mengikut gaya atau kuak mereka.

2.2.2.3 Sebarang pertukaran peserta (gugur/ganti) hendaklah merujuk kepada Peraturan Am SUKIPT Perkara 4.7.2.

2.2.2.4 Hanya peserta yang namanya didaftarkan dalam borang pendaftaran sahaja dibenarkan mengambil bahagian. Kegagalan peserta mendaftarkan nama di dalam kontingen masing-masing akan menyebabkan peserta tersebut tidak layak mengambil bahagian dalam mana-mana acara yang dipertandingkan.

2.2.3 Bilangan pemain dan pegawai bagi setiap pasukan adalah seperti berikut :

SUKAN	ATLET		PEGAWAI	JUMLAH
	LELAKI	WANITA		
Individu & Berpasukan	20	20	4	44

2.3 Sistem Pertandingan

2.3.1 Pertandingan ini akan dijalankan mengikut acara dan jadual pertandingan yang telah ditetapkan.

2.3.2 Susunan acara hendaklah mengikut susunan yang ditetapkan oleh pihak Jawatankuasa Pengelola dan dirujuk kepada Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan SUKIPT.

2.3.3 Undian Lorong adalah berdasarkan kepada masa pencapaian terbaik peserta mengikut yang tercatat dalam borang penyertaan. Sekiranya tiada serahan masa yang diberikan maka susunan lorong akan dilakukan oleh pihak teknikal permainan secara rawak sahaja.

2.3.4 Pertandingan ini dijalankan secara peringkat saringan dan akhir. Peringkat saringan akan diadakan pada sebelah pagi dan peringkat akhir pada sebelah petang / malam.

2.3.5 Pertandingan untuk setiap acara individu dan berpasukan hanya akan dijalankan sekiranya terdapat minimum 6 penyertaan daripada pasukan yang berlainan.

2.3.6 Peserta yang layak ke peringkat akhir akan ditentukan pada peringkat saringan. Hanya lapan (8) peserta yang mencatatkan masa terbaik di peringkat saringan akan layak ke peringkat akhir.

2.3.7 Acara 800m dan 1,500m akan dijalankan secara ‘Time Final’ sahaja. ‘Slow heat’ akan diadakan pada sesi pagi dan ‘Fast heat’ akan dijalankan di sesi petang / malam.

2.3.8 Tiap-tiap peserta hendaklah melaporkan diri kepada Penyelia Peserta di Bilik Panggilan sekurang-kurangnya 10 minit sebelum acaranya bermula. Kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan penyertaannya dalam acara tersebut dibatalkan.

2.3.9 Peserta yang menarik diri daripada pertandingan dalam mana-mana acara dia didaftarkan akan dibatalkan penyertaannya untuk semua acara berikutnya sepanjang hari kejohanan tersebut berlangsung.

2.3.10 Pemenang akan ditentukan menerusi catatan masa terbaik di peringkat akhir.

3 PAKAIAN DAN PERALATAN

3.1 Rujuk Peraturan Am WA (FINA) dan Perkara 7 dan 8 Peraturan Am SUKIPT 2024.

3.2 Peralatan Pertandingan

3.2.1 Kolam pertandingan bersaiz Olimpik.

3.2.2 Sistem keputusan manual/elektronik.

4 HADIAH

4.1 Hanya tiga (3) pemenang setiap acara akan diberi hadiah.

ACARA / KATEGORI	EMAS		PERAK		GANGSA	
	Ditawarkan	Jumlah	Ditawarkan	Jumlah	Ditawarkan	Jumlah
INDIVIDU LELAKI						
50 Meter Gaya Bebas	1	1	1	1	1	1
100 Meter Gaya Bebas	1	1	1	1	1	1
200 Meter Gaya Bebas	1	1	1	1	1	1
400 Meter Gaya Bebas	1	1	1	1	1	1
800 Meter Gaya Bebas	1	1	1	1	1	1
1,500 Meter Gaya Bebas	1	1	1	1	1	1
50 Meter Kuak Dada	1	1	1	1	1	1
100 Meter Kuak Dada	1	1	1	1	1	1
200 Meter Kuak Dada	1	1	1	1	1	1
50 Meter Gaya Kupukupu	1	1	1	1	1	1
100 Meter Gaya Kupukupu	1	1	1	1	1	1
200 Meter Gaya Kupukupu	1	1	1	1	1	1

SUKAN INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI

50 Meter Gaya Lentang	1	1	1	1	1	1
100 Meter Gaya Lentang	1	1	1	1	1	1
200 Meter Gaya Lentang	1	1	1	1	1	1
200 Meter Rampaian Individu	1	1	1	1	1	1
400 Meter Rampaian Individu	1	1	1	1	1	1
INDIVIDU WANITA						
50 Meter Gaya Bebas	1	1	1	1	1	1
100 Meter Gaya Bebas	1	1	1	1	1	1
200 Meter Gaya Bebas	1	1	1	1	1	1
400 Meter Gaya Bebas	1	1	1	1	1	1
800 Meter Gaya Bebas	1	1	1	1	1	1
1,500 Meter Gaya Bebas	1	1	1	1	1	1
50 Meter Kuak Dada	1	1	1	1	1	1
100 Meter Kuak Dada	1	1	1	1	1	1
200 Meter Kuak Dada	1	1	1	1	1	1
50 Meter Gaya Kupu-kupu	1	1	1	1	1	1
100 Meter Gaya Kupu-kupu	1	1	1	1	1	1
200 Meter Gaya Kupu-kupu	1	1	1	1	1	1
50 Meter Gaya Lentang	1	1	1	1	1	1
100 Meter Gaya Lentang	1	1	1	1	1	1
200 Meter Gaya Lentang	1	1	1	1	1	1
200 Meter Rampaian Individu	1	1	1	1	1	1
400 Meter Rampaian Individu	1	1	1	1	1	1

SUKAN INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI

BERPASUKAN LELAKI						
4 x 100 Meter Gaya Bebas	1	4	1	4	1	4
4 x 200 Meter Gaya Bebas	1	4	1	4	1	4
4 x 100 Meter Rampaian	1	4	1	4	1	4
BERPASUKAN WANITA						
4 x 100 Meter Gaya Bebas	1	4	1	4	1	4
4 x 200 Meter Gaya Bebas	1	4	1	4	1	4
4 x 100 Meter Rampaian	1	4	1	4	1	4
BERPASUKAN CAMPURAN						
4 x 100 Meter Gaya Bebas Campuran	1	4	1	4	1	4
4 x 100 Meter Rampaian Campuran	1	4	1	4	1	4
JUMLAH	42	66	42	66	42	66